

Projek penyelidikan pelajar prasiswazah lakar sejarah

USIM raih tujuh pingat NRIC 2013



SEBAHAGIAN daripada pelajar USIM bergambar selepas berjaya merangkul tujuh pingat dalam penganjuran Novel Research & Innovation Competition 2013 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, baru-baru ini.

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 27 Ogos - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melakar sejarah manis apabila berjaya merangkul tujuh pingat dalam penganjuran Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013 di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, baru-baru ini.

USIM menghantar sebanyak 10 projek penyelidikan pelajar prasiswazah yang meliputi tujuh projek dalam kategori Kreatif dan Transformasi Sosial dan tiga membabitkan kategori Sains Kehidupan.

Sebagai hasilnya, tujuh produk USIM berjaya menggondol pingat iaitu satu emas, satu perak dan lima gangsa.

Kejayaan meraih pingat emas itu diperolehi melalui penyertaan produk Easy Jawi sekali gus membawa pulang Anugerah Polisi Impak Sosial berserta wang tunai RM3,000

dan sijil penghargaan.

Menurut ketua kumpulan Easy Jawi, Wan Nursyahrah Ramli, produk tersebut mampu membantu kanak-kanak disleksia untuk belajar jawi dengan lebih mudah.

"Kanak-kanak disleksia yang mempunyai kesukaran untuk menyebut perkataan panjang dan ada yang sukar mempelajari turutan seperti nama bulan dan sifir.

"Produk sedemikian dalam pembacaan huruf rumi sememangnya telah ada, tetapi bagi jawi masih belum ada. Oleh itu, dari sini tercetusnya idea kami untuk menghasilkan Easy Jawi," katanya di sini.

NRIC yang dianjurkan sejak 2007 telah menunjukkan peningkatan penyertaan pasukan daripada institusi pengajian tinggi (IPT) dari dalam dan luar negara.

Bagi NRIC tahun ini, sebanyak 132 projek penyelidikan telah dipertaruhkan.